

21 JUL 1997

KEADAAN NEGARA TERKAWAL SEMASA KETIADAAN PM

Oleh: Zainoor Sulaiman

OKAYAMA, Jepun, 21 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata keadaan negara terkawal semasa beliau bercuti di luar negara sejak dua bulan lalu.

"Walau pun saya tidak berada di Malaysia tetapi saya kerap berhubung dengan (Pemangku Perdana Menteri) Datuk Seri Anwar Ibrahim," beliau memberitahu wartawan Malaysia yang berada di sini untuk meliputi lawatannya ke Jepun. Beliau akan pulang ke Kuala Lumpur esok.

Dr. Mahathir berkata beliau sentiasa mengikuti perkembangan dalam negara dan perkembangan yang berlaku tidaklah genting sehingga memerlukan beliau perlu pulang segera.

Beliau berkata beliau sentiasa berbual dan berbincang dengan Datuk Sri Anwar melalui persidangan video.

Dr. Mahathir berkata beliau bercuti untuk menenangkan fikiran.

"Bila kita duduk jauh sedikit kita dapat melihat keadaan negara dengan lebih jelas," katanya.

"Kita boleh melihat pokok dan tidak hanya belukar." katanya

--BERNAMA

ZS WAT